



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 4 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BANTUAN TAMBAHAN RM2.8 JUTA KEPADA PESAWAH DI YAN, KUALA MUDA - RONALD, BERNAMA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	ILLEGAL SQUATTER STRUCTURES IN SEPANGGAR TO BE DEMOLISHED, BORNEO POST (KK) -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	LATEST R&D AND TECHNOLOGY INCREASING HIGHER PADDY YIELDS, BUSINESS TODAY -ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
4.	ISU LAMBAKAN PATIN DAN UDANG HARIMAU SELESAI, HM -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
5.	UDANG HARIMAU DI MELAKA BERDEPAN MASALAH UNTUK DIPASARKAN, BERNAMA -ONLINE	
6.	MAFI, LKIM RANGKA KAEDAH PEMASARAN LAMBAKAN UDANG HARIMAU DAN IKAN PATIN SANGKAR, BERNAMA -ONLINE	
7.	SIN CHEW -ONLINE	
8.	TIDAK PUTUS-PUTUS SUMBANGAN DITERIMA PENDUDUK YAN, HAKAH DAILY -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
9.	AGROBANK TERUS PERGIAT PROGRAM AGROBANK DAN KOMUNITI, UTUSAN BORNEO -ONLINE	AGROBANK
10.	AGROBANK BANTU 200 KELUARGA MANGSA BANJIR DI YAN, BISNES, HM -25	
11.	ULASAN CPTPP DAN PERTANIAN: DIKEJAR TAK DAPAT, DIKENDONG BERCICIRAN?, MALAYSIA KINI -ONLINE	LAIN-LAIN
12.	"LITTLE CAMERON' TO ATTRACT TOURISY' - RUMAIZI, IPOH ECHO -ONLINE	
13.	USAHAWAN BUMIPUTERA DIGESA TEROKA INDUSTRI TERNAKAN, NEGERI P.PINANG/PAHANG/PERLIS, SH -29	
14.	MANTAPKAN PERTAHANAN, KESIHATAN DAN PERTANIAN, EKONOMI, UM -37	
15.	100 LEMBU DIANCAM JANGKITAN SELEPAS KANDANG DITAKUNGI AIR, NEGARA, KOSMO -14	
16.	EL NINO PUNCA PATIN MUNCUNG PUPUS, NEGARA, KOSMO -17	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2021	BERNAMA	ONLINE	

Bantuan tambahan RM2.8 juta kepada pesawah di Yan, Kuala Muda - Ronald



Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Ronald Kiardee pada acara simbolik mengetik kad perakam waktu secara rasmi di pejabatnya di Wisma Tani, semalam. (Kredit: FB - Dr Ronald Kiardee)

KUALA LUMPUR, 31 Ogos – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengumumkan bantuan tambahan sebanyak RM2.8 juta, melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) kepada pesawah yang terkesan, akibat bencana alam yang berlaku di Yan dan Kuala Muda, Kedah.

Menterinya Datuk Seri Ronald Kiardee berkata, kadar bantuan yang diberikan ialah RM1,800 per hektar, dengan keluasan maksimum tiga hektar.

“Penilaian bagi pesawah yang terlibat akan dilaksanakan oleh jabatan teknikal, tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan,” katanya dalam kenyataan dikeluarkan hari ini.

Beliau mengumumkan perkara tersebut, selepas taklimat ringkas oleh pengurusan tertinggi mengenai situasi banjir di Kedah, pada acara simbolik mengetik kad perakam waktu secara rasmi di pejabatnya di Wisma Tani, semalam.

Ronald memaklumkan bahawa, 34.2 hektar kawasan tanaman padi di Boi, Yan yang berusia antara 75 hingga 105 hari di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), telah terjejas akibat kejadian itu.

Menurut beliau, kawasan luar jelapang yang terkesan pula adalah di bawah seliaan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merbok seluas 18.4 hektar yang berusia antara 95 hingga 105 hari, dan kawasan di bawah seliaan Jabatan Pertanian melibatkan 15,759 hektar yang berusia antara 95 hingga 110 hari.

"Ini menjadikan keseluruhan keluasan yang terlibat adalah 15,811.6 hektar. Bilangan keseluruhan pesawah yang terkesan masih dalam banciaan," katanya.

Ronald menjelaskan, kejadian banjir berkenaan mengakibatkan hasil padi tidak dapat dituai sepenuhnya, disebabkan oleh kejadian padi rebah selepas air banjir surut dari kawasan sawah padi dan kualiti padi yang dituai juga akan terkesan, seterusnya menjejaskan pendapatan pesawah yang terlibat.

Kerajaan sebelum ini, memperuntukkan RM1.1 juta bagi membaik pulih 34 hektar kawasan sawah padi di Kampung Titi Bakong dan Kampung Rendang Pasir, Yan, yang musnah dalam kejadian banjir lumpur akibat fenomena kepala air dari Puncak Gunung Jerai pada 18 Ogos lepas.

Peruntukan tersebut merupakan sebahagian daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM75 juta yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika meninjau lokasi bencana tersebut pada Selasa lepas.

Ronald berjanji MAFI akan memperuntukkan bantuan lain daripada Tabung Bantuan Bencana Agromakanan bagi golongan sasaran dalam meneruskan kelangsungan hidup di samping menggerakkan bantuan Bakul Makanan melalui inisiatif MAFI Prihatin bagi meringankan beban golongan petani, penternak dan nelayan yang terkesan akibat bencana itu.

Setakat semalam, MAFI telah menyalurkan sejumlah RM4.34 juta kepada golongan sasaran, yang terjejas akibat bencana alam daripada tabung berkenaan.

-- BERNAMA



04 SEP, 2021

Illegal squatter structures in Sepanggar to be demolished

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 1 of 2

Illegal squatter structures in Sepanggar to be demolished

KOTA KINABALU: Illegal structures built on 150 acres of land belonging to the Fisheries Department in Sepanggar will be demolished soon.

Deputy Chief Minister Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey Kitingan said the land, which is part of the department's 260 acres land, has already been earmarked for development projects for the Greater Kota Kinabalu.

"This will include large-scale projects by the current administration to develop a smart city on this land. This issue has been decided and agreed upon by the cabinet.

"The GRS government is serious about developing this land and ensuring that it is not encroached upon by outsiders, particularly those who have no right to be in Sabah in the first place," he said.

Kitingan, who is also the Agriculture and Fisheries Minister made the remarks on Friday after visiting the squatters in the self-proclaimed Kg Warisan in Sepanggar.

Around 800 illegal structures dotted the width and breadth of the 150-acre land. Some structures are hidden deep within the mangrove forests, making it difficult for the authorities to enforce the law.

Furthermore, power theft is rampant in the area and most of the live cables are buried underground, putting enforcement personnel at risk of electrocution whenever they attempt to access these squatters.

Apart from the 'Kg Warisan', squatters in the areas have organised themselves in two other self-declared villages namely Kg Berunai and Kg Juara.



Kitingan speaking to one of the residents.

This will include large-scale projects by the current administration to develop a smart city on this land. This issue has been decided and agreed upon by the cabinet.

Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey Kitingan

"They have actually tried several times to get the government to recognise them as official villages. But this cannot be allowed because the land belongs to the Fisheries Department.

"Several demolition exercises have been carried out in the past,

but people can be tenacious. The government demolished several structures only to see new structures replacing them in a matter of months.

"It is, without a doubt, a cancer that must be eradicated once and for all," he said.

During his visit, Kitingan also

met with several squatters in the area, advising them not to allow any more people to build homes there because the structures will be demolished anyway, and informing them of the government's plan for the land.

"We must safeguard our assets, but we must also consider the plight of genuine Sabahans who live there. I understand that some of the squatters include government servants too," he said.

At the same time, Kitingan urged the Fisheries Department to submit proposals on how to fully utilise the land once it has been cleared of squatters.



04 SEP, 2021

Illegal squatter structures in Sepanggar to be demolished

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA KINABALU: Illegal structures built on 150 acres of land belonging to the Fisheries Department in Sepanggar will be demolished soon. Deputy Chief Minister Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey Kitingan said the land, which is part of the department's 260 acres land, has already been earmarked for development projects for the Greater Kota Kinabalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2021	BUSINESS TODAY	ONLINE	

Latest R&D and Technology Increasing Higher Paddy Yields



When it comes to developing high-yielding rice varieties, Malaysia is on the forefront as a result of proactively taking advantage of the latest innovations and developments in the field by engaging in extensive research & development and employing mechanization & automation for efficiency.

The Department of Paddy Industry Development and the Malaysian Agriculture Research And Development Institute (MARDI) has developed more than 50 paddy varieties since 1964, which dominate almost 99% granary and non-granary

areas throughout the nation. These varieties have been thoroughly researched and developed before being commercialized in the market, with costs that can exceed RM4,500,000.

Recently, MARDI has launched new varieties specifically designed to have higher tolerance to pests and diseases, shorter maturation periods and higher yields. Two such varieties are the MR315 variety, known as *Seri Waja*, and the MRQ104, known as *Kembang Sari*; both having a high resistance to panicle, foliar blast and sheath blight disease, with a maturation period of between 100- 120 days and production as high as 5.4 – 9.0 metric tonnes per hectare.

In addition to research and development, MARDI has also invested in automation and new technology, introduced across the entire production value chain in line with The National Agro-Food Policy [NAP] 2011-2020 to address key issues in the sector: food security, sector competitiveness and sustainability, increasing the income level of target groups, and climate change.

In the land preparation stage, one method involves a mechanization package to treat problematic soil which has been used at several locations in the Muda granary area to treat the problem of soft soil.

Another initiative in the land preparation stage is mapping soil physicochemical properties of several granary areas across Malaysia, led by the Department of Agriculture Malaysia (DoA), and agencies under Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI). They cooperated to obtain and analyse soil samples to map out the nutrient in paddy plots. This information is valuable for farmers to make management decisions regarding input use.

A quick method to determine the levelling index of paddy plots has also been developed using a Global Navigation Satellite System (GNSS). Because uneven surfaces could cause irrigation problems and lower potential yields, this method helps farmers to decide on undertaking major land levelling activities or apply variable rate seeding strategy while also identifying the height of surfaces. This approach has been used in an upscaling project both in Kedah and Perak.



In the cultivation and crop maintenance stage, a precision farming technology package was introduced to optimize input use and reduce operational costs. The package consists of seed and fertilizer application and pest monitoring systems.

The seed application system uses data from the levelling index system to generate a variable rate seed application map. The map is then uploaded to an on-board computer installed on a high clearance tractor which applies a different seeding rate based on the map.

The fertilizer application system applies fertilizer based on crop needs at specific locations using an Unmanned Aerial Vehicle (UAV) which carries a camera used to obtain images of the paddy crop. The images are processed and a fertilizer treatment map is then generated. The map is uploaded to an on-board computer installed on a high clearance tractor which applies a different fertilizer rate based on the map.

To monitor the paddy crops from pest attacks, an early warning system has also been developed. A light trap is placed near affected paddy plots and is turned on at night to attract pests such as *Brown Plant Hoppers* (BPH). The type and number of the pests trapped is automatically counted using a pest detection and counting system. The system sends out a Short Message Service (SMS), warning farmers to take necessary action such as spraying of chemicals to control pest outbreaks which not only saves input cost, but also avoids environmentally harmful chemical overuse.

This precision farming package was trialled in an upscaling project in Kedah and Perak and will be implemented in the Smart *Sawah Berskala Besar* (Smart SBB) with the cooperation of FGV Holdings Berhad.

In the post-harvest handling stage, a Standard Operating Procedure (SOP) was designed to manage Postharvest losses (PHL) of paddy, which affect the production of rice and food security in Malaysia. PHL is defined as losses that occur due to spills or negligence during harvesting operations. Losses include incorrect machine settings, transportation mishandling, inefficient processing resulting in broken rice and improper storage resulting in unpleasant odours, discoloration and insect attacks.

Harvesting contributes to highest post-harvest losses in the paddy industry in Malaysia, followed by losses during transportation, losses at the rice mill and during storing. Proper management of post-harvest handling can reduce losses and improve the total yield of rice in the country.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Isu lambakan Patin dan Udang Harimau selesai



Putrajaya: Isu lambakan udang harimau dan ikan Patin sangkar yang tidak terjual susulan pandemik Covid-19 menyebabkan ramai penternak hampir putus harapan.

Malah kesulitan memasarkan hasil membabitkan penternak ikan Patin sangkar di Pahang dan udang harimau di Melaka turut berpunca penurunan permintaan di peringkat pengguna.

Bagaimanapun Kementerian Pertanian dan Asas Tani (MAFI) menerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) segera

merangka beberapa kaedah pemasaran jangka pendek bagi menangani isu lambakan bekalan udang harimau dan ikan patin sangkar itu.

Unit Komunikasi Korporat LKIM, MAFI dalam kenyataannya tadi memaklumkan LKIM mengadakan rundingan bersama pihak kilang memproses udang di Johor Bahru iaitu A&O Food Industry untuk menjual udang harimau yang ditenak di Melaka.

"Kilang berkenaan bersetuju membeli sebanyak dua tan udang bagi setiap satu kali pengambilan secara berperingkat. Udang berkenaan akan disejuk beku untuk pasaran luar negeri manakala udang segar pula akan diimport ke Singapura.

"Selain itu, usaha mencari ruang pasaran tempatan di Selangor dan Terengganu turut dilakukan dan mendapat maklum balas memberangsangkan daripada pembeli," menurut kenyataan itu.

MAFI menyatakan pemasaran secara terus melalui platform sedia ada seperti kerjasama dijalankan bersama Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) bagi pasaran dalam talian akan dipertingkatkan selain secara bayaran semasa penghantaran (COD) dan daripada peniaga runcit individu.

Dalam usaha menangani isu lambakan ikan patin pula, LKIM menyediakan saluran pemasaran menerusi 14 Pusat Pengumpulan dan Penedaran (CCDC) Ikan Air Tawar di sekitar Pahang meliputi kawasan Pekan membabitkan tiga pusat, Kuantan (satu), Bera (tiga), Temerloh (lima), Lanchang (satu) dan Triang (satu).

MAFI turut memaklumkan pembelian ikan Patin juga akan dibuka kepada NEKMAT dan Persatuan Nelayan Kawasan melalui geran modal pusingan pemasaran ikan serta memudah cara padanan pasaran dengan menawarkan kepada mana-mana peniaga ikan dan usahawan pemprosesan seluruh negara untuk mendapatkan secara terus daripada penternak yang terjejas.

"Langkah yang diambil ini dijangka dapat membantu mengatasi kerugian dan memberi kelegaan kepada penternak udang harimau di Melaka dan ikan Patin sangkar di Pahang untuk memasarkan hasil pengeluaran mereka.

"Mereka yang terjejas juga dinasihatkan menyusun semula jadual yang disesuaikan dengan situasi semasa bagi mengelakkan kerugian pada masa akan datang," katanya.

MAFI turut menjelaskan pasaran dijangka kembali pulih sedikit masa lagi susulan pembukaan sektor yang menyumbang kepada permintaan seperti industri makanan dan minuman, hospitaliti, pemprosesan serta pasaran import dan eksport mengikut peringkat Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan apabila negara mencapai imuniti kelompok dalam masa terdekat.

Isnin lalu, media melaporkan Melaka menanggung lambakan udang harimau seberat 15 tan bernilai RM450,000 selepas permintaan ke atas makanan laut itu susut mendadak.

Dua hari kemudian, dilaporkan lebih 50,000 ikan patin yang ditenak pengusaha di Sungai Jelai di Lipis, Pahang turut berdepan masalah sama.

Disiarkan pada: September 4, 2021 @ 12:06am

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

4/9/2021

BERNAMA

ONLINE

Udang harimau di Melaka berdepan masalah untuk dipasarkan



Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Melaka Rosli Mustapa (kanan) menyerahkan Jalur Gemilang kepada wakil nelayan sempena majlis Penyerahan Bantuan 'Mafi Prihatin' dan Kempen Kibar Jalur Gemilang sempena Hari Kebangsaan 2021 dan sambutan Jubli Emas 50 tahun LKIM di Kompleks Perikanan LKIM di Sungai Duyong.

MELAKA, 30 Ogos -- Kira-kira 15 tan udang harimau yang diusahakan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Melaka di Kampung Sebatu, Sungai Rambai, Jasin, berdepan masalah untuk dipasarkan berikutan sekatan pergerakan.

Pengarah LKIM Melaka Rosli Mustapa berkata hasil temakan itu tidak dapat dieksport ke Johor dan Singapura, selain medan ikan bakar tidak dapat beroperasi berikutan negeri ini masih dalam Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN).

"Masalah itu juga menyebabkan harga udang harimau saiz L yang ditenak itu mengalami penurunan iaitu sekitar RM26 sekilogram berbanding sebelum ini antara RM30 hingga RM35 sekilogram.

"Kebanyakan pembekal juga terpaksa mengehendkan pengambilan udang harimau ini ekoran pandemik COVID-19. Situasi ini menyebabkan pihak kita terpaksa menanggung beban kos operasi yang tinggi seperti makanan, utiliti dan sebagainya," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu beliau menghadiri Penyerahan Bantuan 'Mafi Prihatin' dan Kempen Kibar Jalur Gemilang sempena Hari Kebangsaan 2021 dan sambutan Jubli Emas 50 tahun LKIM di Kompleks Perikanan LKIM di Sungai Duyong di sini.

Sebanyak 30 kotak makanan berupa barangan keperluan seperti beras, gula, tepung, minyak masak dan sebagainya diserahkan kepada nelayan yang terjejas disebabkan pandemik.

Sementara itu, Rosli berkata antara langkah jangka pendek yang diambil adalah dengan menjual udang tersebut secara penghantaran terus ke negeri-negeri lain, termasuk Kuala Lumpur dan Selangor, oleh ejen yang dilantik.

Beliau berkata menerusi langkah berkenaan sebanyak 200 hingga 300 kilogram udang harimau berjaya dijual setiap minggu, namun baki udang yang berada di kolam masih banyak.

Selain itu, menurut Rosli harga ikan seperti jenahak, kerapu, ikan merah dan siakap di negeri ini juga mengalami penurunan ketara sehingga 20 peratus akibat kekurangan permintaan, ekoran medan ikan bakar tidak dibenarkan beroperasi.

"Berbanding dahulu kebiasaannya ikan premium ini telah ditempah oleh pembekal dan apabila hasil laut segar yang didaratkan di jeti ia dihantar terus ke pengusaha ikan bakar," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

4/9/2021

BERNAMA

ONLINE

MAFI, LKIM rangka kaedah pemasaran lambakan udang harimau dan ikan patin sangkar



MELAKA, 3 Sept -- Kementerian Pertanian dan Asas Tani (MAFI) menerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah merangka beberapa kaedah pemasaran jangka pendek bagi menangani isu lambakan bekalan udang harimau di Melaka dan ikan patin sangkar di Pahang.

MAFI dalam satu kenyataan di sini hari ini memaklumkan LKIM telah mengadakan rundingan dengan kilang memproses udang di Johor Bahru iaitu A&O Food Industry untuk menjual udang harimau yang ditenak di Melaka.

"Kilang berkenaan bersetuju membeli sebanyak dua tan udang bagi setiap satu kali pengambilan secara berperingkat dan udang berkenaan akan disejuk beku untuk pasaran luar negeri manakala udang segar pula akan diimport ke Singapura.

"Selain itu, usaha mencari ruang pasaran tempatan di Selangor dan Terengganu telah dilakukan dan mendapat maklum balas yang memberangsangkan daripada pembeli," menurut kenyataan itu.

MAFI menyatakan pemasaran secara terus melalui platform sedia ada seperti kerjasama yang dijalankan bersama Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) bagi pasaran dalam talian akan dipertingkatkan selain secara bayaran semasa penghantaran (COD) dan daripada peniaga runcit individu.

Bagi menangani isu lambakan ikan patin pula, LKIM menyediakan saluran pemasaran menerusi 14 Pusat Pengumpulan dan Pengedaran (CCDC) Ikan Air Tawar di sekitar Pahang meliputi kawasan Pekan membabitkan tiga pusat, Kuantan (satu), Bera (tiga), Temerloh (lima), Lanchang (satu) dan Triang (satu).

MAFI turut memaklumkan pembelian ikan patin juga akan dibuka kepada NEKMAT dan Persatuan Nelayan Kawasan melalui geran modal pusingan pemasaran ikan serta memudah cara padanan pasaran dengan menawarkan kepada mana-mana peniaga ikan dan usahawan pemprosesan seluruh negara untuk mendapatkan secara terus daripada penternak yang terjejas.

"Langkah yang diambil ini dijangka dapat membantu mengatasi kerugian dan memberi kelegaan kepada penternak udang harimau di Melaka dan ikan patin sangkar di Pahang untuk memasarkan hasil pengeluaran mereka.

"Mereka yang terjejas juga dinasihatkan menyusun semula jadual yang disesuaikan dengan situasi semasa bagi mengelakkan kerugian pada masa akan datang," kata MAFI.

MAFI turut menjelaskan pasaran dijangka kembali pulih sedikit masa lagi dengan pembukaan sektor yang menyumbang kepada permintaan seperti industri makanan dan minuman, hospitaliti, pemprosesan serta pasaran import dan eksport mengikut peringkat Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan apabila negara mencapai imuniti kelompok dalam masa terdekat.

Isnin lepas, media melaporkan Melaka menanggung lambakan udang harimau seberat 15,000 kilogram bernilai RM450,000 selepas permintaan ke atas makanan laut itu susut mendadak.

Dua hari kemudian, dilaporkan lebih 50,000 ikan patin yang diternak pengusaha di Sungai Jelai di Lipis, Pahang mungkin 'berkubur' dalam sungai berikutan tidak dapat dijual ekoran pandemik COVID-19.

- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2021	SIN CHEW	ONLINE	

渔业局：需求下降滞销 拟策推销老虎虾巴丁鱼

（关丹3日讯）马来西亚渔业发展局（LKIM）表示，马六甲的老虎虾和彭亨州巴丁鱼（Patin Sangkar）出现滞销现象，主要原因是市场需求量下降所致。

渔业发展局今日针对有媒体报道老虎虾和巴丁鱼滞销课题发文告指出，该局已拟出了多项短期措施，以克服老虎虾和巴丁鱼产量过剩和滞销问题。

虾只冷冻方式销售国外

文告也说，该局已经与柔佛一家虾只加工厂进行洽谈，该厂同意分阶段购买2公吨虾只，将会以冷冻方式销售到国外，至于新鲜虾只则会运送到新加坡市场。

“我们也努力在雪兰莪和登嘉楼开拓本地更大的市场空间，获得买家积极的反馈。我们亦通过现有平台进行销售，包括与国家渔民协会（NEKMAT）合作的线上市场交易，以及零售商的货到付款行销。”

另一方面，针对亨州巴丁鱼的市场，渔业发展局将通过全彭14个淡水鱼集散中心（CCDC）进行营销。

该局将会与国家渔民协会和区域渔民协会合作，进一步推动巴丁鱼的市场。

开放鱼商加工业直购鱼只

“我们也开放让全国鱼商和加工企业，直接与受影响的巴丁鱼养殖者联系和购买鱼只，以期市场需求量保持稳定。”

该局表示，通过上述各种措施，预料将能够减低养殖者的亏损，养殖者也受促调整养殖的时间表。

无论如何，该局认为，随着国民已完成接种疫苗，达到群体免疫目标，在国家苏复计划下，各领域分阶段开放，整个市场将恢复正常营运。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Tidak putus-putus sumbangan diterima penduduk Yan



YAN: Kerajaan negeri akan mengikuti perkembangan dari semasa ke semasa untuk melihat keperluan asas di Yan dan Kuala Muda yang terkesan dengan kejadian kepala air Gunung Jerai, 18 Ogos lalu.

Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md Nor berkata, setakat ini bantuan keperluan kepada penduduk yang terjejas di Yan, Gurun dan Tupah sudah mencukupi.

Menurutnya, bantuan serta sumbangan tidak putus-putus dari pelbagai pihak dalam dan luar negeri.

“Kebanyakan peralatan rumah yang rosak, kita sumbangkan yang baharu termasuk dapur dan tong gas,” ujar beliau di Kampung Aceh, Yan, kelmarin.

Sehubungan itu pihaknya turut mengalu-alukan sumbangan 400 almari yang akan disumbangkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang dalam tempoh terdekat.

Sungguhpun begitu tambah beliau, untuk kembali kepada keadaan asal, tentunya akan mengambil masa agak lama.

“Walau bagaimanapun keperluan itu akan diambil cakna kerajaan malah dibantu badan bukan kerajaan (NGO), parti politik dan lain-lain di kedua-dua daerah terbabit,” katanya.

Berikutan itu, Sanusi mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di atas peruntukan tambahan sebanyak RM2.8 juta untuk membantu petani dan pesawah.

Katanya tidak dinafikan kejadian 18 Ogos lalu turut mengakibatkan tanah pertanian dan sawah padi turut terjejas.

“Seluas 38 hektar sawah padi ditimbus tanah lumpur, terdapat paip saliran yang putus dan taliair terkambus.

“Kalau ikut Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), kerosakan padi seperti padi rebah atau rosak, petani akan menerima bantuan RM3,000 setiap satu hektar,” kata beliau.

Dalam perkembangan lain, katanya, peruntukan RM50 juta khas untuk membaik pulih infrastruktur belum lagi dimulakan dan kemungkinan akan mengambil sedikit masa.

Manakala laluan naik ke Gunung Jerai telah dibaiki dan boleh digunakan. – **HARAKHADAILY**
2/9/2021

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Agrobank terus pergiat program agrobank dan komuniti



Penyerahan sumbangan misi bantuan Agrobank dan Komuniti disempurnakan oleh Norafiza Ani Abdullah, Ketua Bahagian Jualan dan Perkhidmatan Agrobank Wilayah Utara (dua dari kiri) kepada Jamali Kamal, Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Yan (tiga dari kiri)

YAN, KEDAH: Agrobank terus mempergiatkan program perdananya, Agrobank dan Komuniti dan kali ini misi bantuan diteruskan untuk membantu komuniti

setempat di Yan, Kedah yang terkesan akibat banjir kilat yang berlaku susulan fenomena kepala air dengan mengedarkan kotak bantuan bencana berupa makanan dan keperluan asas kepada 200 keluarga.

Khadijah Iskandar, Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank berkata, selaras dengan slogan 'Sentiasa di Sisi Anda', Agrobank amat cakna dan prihatin akan kesukaran dan situasi semasa yang sedang dihadapi oleh komuniti setempat di Yan, Kedah ekoran bencana alam yang berlaku beberapa minggu yang lalu dan membuat keputusan untuk meneruskan program Agrobank dan Komuniti, untuk meringankan beban komuniti yang terkesan dengan jumlah keseluruhan sumbangan bernilai RM35,000.

"Sebagai sebuah institusi kewangan yang begitu dekat di hati rakyat Malaysia, kami di Agrobank berasa bertanggungjawab untuk turut sama membantu dan menghulurkan bantuan kepada mereka yang terkesan dek bencana alam yang berlaku di Yan, Kedah. Apatah lagi, apabila salah seorang warga kerja kami di Pusat Kredit Padi Agrobank turut terjejas akibat daripada fenomena alam ini dan beliau merupakan salah seorang daripada 200 penerima yang mendapat manfaat menerusi misi bantuan pada kali ini." katanya.

Sesi penyerahan sumbangan ini disempurnakan oleh Norafiza Ani Abdullah, Ketua Bahagian Jualan dan Perkhidmatan Agrobank Wilayah Utara kepada Pusat Kawalan Operasi Bencana di Dewan Dato' Madi pada tengahari ini. Kotak sumbangan yang diberikan kepada penerima berupa makanan dan keperluan asas seperti makanan kering dan minuman, barang penjagaan peribadi, bantal, sejadah, telekung dan bahan pencuci.

Sementara itu, Jamali Kamal, Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Yan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Agrobank atas keprihatinan dan kerjasama yang diberikan oleh Agrobank untuk membantu mereka yang terkesan terutamanya dalam menghadapi situasi sukar pada waktu ini.

Misi bantuan di Yan, Kedah ini merupakan salah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat Agrobank menerusi program perdananya, Agrobank dan Komuniti yang dilancarkan dengan tujuan untuk mendekat dan menyantuni komuniti setempat di mana Agrobank beroperasi.

Mengenai Agrobank

Agrobank adalah peneraju dalam pembiayaan pertanian dan perbankan berasaskan nilai (VBI)* di Malaysia. Ditubuhkan pada 1969, Agrobank terlibat secara aktif mencatatkan pertumbuhan dan pembangunan industri pertanian di Malaysia dengan menawarkan produk dan solusi kewangan yang patuh syariah merentasi pelbagai segmen pelanggan termasuk pelanggan korporat, komersial, konsumer, pembiayaan perdagangan dan pembiayaan mikro. Agrobank merupakan sebuah institusi perbankan Islam sepenuhnya sejak 1 Julai 2015.

Sebagai sebuah IKP (Institusi Kewangan Pembangunan) yang berorientasikan pelanggan, fokus utama Agrobank adalah untuk mengukuhkan sektor pertanian. Justeru itu, Agrobank beriltizam untuk bergerak seimbang dalam melaksanakan peranan pembangunan dan komersialnya bagi memanfaatkan sektor pertanian. Agrobank menyediakan solusi pembiayaan yang menyeluruh untuk komuniti pertanian; merangkumi aktiviti hulu seperti bekalan input pengeluaran pertanian dan untuk aktiviti hiliran seperti pemprosesan, pemasaran dan jualan produk pertanian kepada pengguna.

Agrobank juga menawarkan penyelesaian pembiayaan perbankan runcit untuk meningkatkan taraf kehidupan komuniti-pertanian. Ini dapat dilaksanakan menerusi kesemua 192 buah rangkaian untuk pelanggan Bank merangkumi 138 cawangan, 1 perbankan agro, 1 perbankan maya, 10 pusat pembiayaan komersial, 34 kiosk, 8 sudut & pusat agro.

Pada tahun 2019, Agrobank meraikan ulang tahun Jubli Emas menandakan 50 tahun penubuhannya membangunkan industri agro.

www.agrobank.com.my

**VBI atau perantaraan berasaskan nilai merupakan satu inisiatif daripada Bank Negara Malaysia (BNM) yang bertujuan untuk menambah nilai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam bagi menggalakkan keusahawanan, kesejahteraan komuniti, kelestarian alam sekitar dan pertumbuhan ekonomi tanpa mengabaikan pulangan kepada para pemegang saham.*

Agrobank bantu 200 keluarga mangsa banjir di Yan

Kuala Lumpur: Agrobank melalui program perdananya, Agrobank dan Komuniti meneruskan misi bantuan untuk membantu komuniti setempat di Yan, Kedah.

Ia bagi membantu penduduk yang terkesan akibat banjir kilat yang berlaku susulan fenomena kepala air, baru-baru ini.

Menerusi program berkenaan, petugas mengedarkan kotak bantuan bencana berupa makanan dan keperluan asas kepada 200 keluarga.

Penanggung Tugasan Presiden/Ketua Pegawai Eksekuti-

tif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, pihaknya prihatin dengan kesukaran dan situasi semasa yang sedang dihadapi oleh komuniti setempat di Yan ekoran bencana berkenaan.

"Kami membuat keputusan untuk meneruskan program Agrobank dan Komuniti untuk meringankan beban komuniti yang terkesan dengan jumlah keseluruhan sumbangan bernilai RM35,000.

"Sebagai institusi kewangan yang begitu dekat di hati rakyat Malaysia, kami di Agrobank berasa bertanggung-

jawab untuk sama membantu dan mengemukakan bantuan kepada mereka yang terkesan.

"Seorang warga kerja kami di Pusat Kredit Padi Agrobank turut terjejas akibat bencana ini dan menjadi seorang daripada 200 penerima yang mendapat manfaat menerusi misi bantuan kali ini," katanya dalam satu kenyataan.

Sesi penyerahan sumbangan disempurnakan Ketua Bahagian Jualan dan Perkhidmatan Agrobank Wilayah Utara, Norafiza Ani Abdullah.



KAKITANGAN Agrobank menyampaikan sumbangan kepada penduduk di Yan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2021	MALAYSIA KINI	ONLINE	

ULASAN | CPTPP dan pertanian: Dikejar tak dapat, dikendong berciciran?



[Fitri Amir](#)

Diterbitkan 3 Sep 2021, 9:05 am

Dikemaskini 3 Sep 2021, 9:05 am

Akhir-akhir ini beberapa kumpulan perniagaan dan pihak tertentu daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) giat melobi pimpinan kerajaan agar Malaysia segera mengesahkan (meratifikasi) perjanjian

perdagangan bebas CPTPP - Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Rentas Pasifik.

CPTPP ditangani oleh 11 negara iaitu Australia, Brunei, Kanada, Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, Peru, New Zealand, Singapura and Vietnam pada 8 Mac 2018.

CPTPP hanya akan berkuat kuasa apabila negara-negara terbabit meratifikasi undang-undang negara masing-masing agar selari dengan teks perjanjian.

Malaysia masih dalam proses menilai kesan dan manfaat CPTPP dan tidak menetapkan tarikh tertentu untuk meratifikasinya. Keputusan ratifikasi akan dibuat oleh perdana menteri melalui mesyuarat menteri kabinet.

Walaupun disebut sebagai perjanjian perdagangan, hanya enam daripada 30 bab dalam teks perjanjian berkenaan perdagangan konvensional barangan manakala 24 bab lagi mengandungi peraturan dan syarat berkenaan hal bukan perdagangan.



Ini melibatkan soal harta intelek, pelaburan, perolehan kerajaan, syarikat milik kerajaan, e-dagang, perkhidmatan, alam sekitar dan buruh.

Perjanjian ini akan memberi kesan yang mendalam kepada sosioekonomi dan sosiobudaya Malaysia serta akan menghalang negara ini daripada memperkenalkan polisi baharu yang baik jika bercanggah dengan teks CPTPP.

Dalam konteks pertanian, penternakan dan perikanan, risikonya cukup besar memandangkan Malaysia bukanlah negara pengeksport utama agro makanan melainkan tanaman komoditi iaitu kelapa sawit.

Kita perlu mengambil iktibar daripada perjanjian perdagangan bebas Nafta - Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara.

Perjanjian ini menyaksikan industri pertanian Mexico hampir musnah kerana lambakan hasil pertanian daripada Amerika dan Kanada serta kenaikan kos input pertanian atas faktor hak monopoli melalui mekanisme perlindungan harta intelek yang melampau.

Kenaikan kos

Bab harta intelek dalam teks CPTPP mewajibkan negara untuk menyertai beberapa perjanjian antarabangsa berkenaan harta intelek yang selama ini tidak disertai Malaysia.

Antara perjanjian yang akan memberi kesan langsung kepada petani adalah

Konvensyen untuk Perlindungan Pelbagai Varieti Baru Tumbuh-tumbuhan - atau lebih dikenali sebagai UPOV91 - yang berkaitan hak pembiak baka tumbuhan dan Perjanjian Budapest, berkaitan hak paten terhadap mikroorganisma.

UPOV91 adalah perjanjian yang mengangkat hak monopoli syarikat dan pembiak baka terhadap biji benih dan bahan penyebaran tumbuhan. Kebanyakan anggota UPOV91 adalah negara-negara maju yang memiliki banyak pembiak baka komersial yang mampu memenuhi syarat-syarat UPOV91 yang ketat seperti ujian kelainan, keseragaman dan kestabilan benih (DUS).



Di Malaysia, kita sudah pun ada Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (PVP2004) yang sesuai dengan situasi pertanian di negara ini.

PVP2004 mengimbang hak pembiak baka komersial atas usaha inovasi mereka di samping tidak menghalang petani kecil mengamalkan amalan tradisi menyimpan, berkongsi dan menjual benih.

PVP2004 juga melindungi negara daripada risiko *bio-piracy* dan *bio-security*, melaksanakan kawalan royalti serta menjamin petani agar mendapat bekalan benih yang cukup dengan harga berpatutan.

Penyertaan ke dalam sistem UPOV91 memerlukan kerajaan membubarkan akta PVP2004 bersama-sama kepentingannya seterusnya menghalang petani daripada menyimpan dan berkongsi benih yang dilindungi, membentuk monopoli pasaran selama 20 tahun untuk sesuatu benih dan 25 tahun untuk pokok berkayu, akhirnya akan meningkatkan harga benih.

Perjanjian Budapest pula membolehkan pemohon hak paten terhadap bahan biologi - seperti mikroorganisma dan bahan genetik - tidak perlu menyimpan sampel bahan biologi tersebut di semua negara dia ingin mendapatkan hak paten.

Pemohon hanya perlu menyimpan bahan biologi itu di mana-mana institusi yang diiktiraf bawah Perjanjian Budapest, dan deposit ini akan diakui di semua negara yang menjadi anggota Perjanjian Budapest.

Dalam hal ini, Perjanjian Budapest menjadikan lebih mudah secara prosedur untuk mendapatkan hak paten terhadap mikroorganisma seperti mikroorganisma efektif (EM) yang banyak digunakan dalam pertanian organik, penghasilan baja biologi daripada najis ternakan dan pemprosesan produk makanan.

Hak paten terhadap mikroorganisma ini akan membolehkan syarikat pengeluar memiliki hak monopoli dalam pasaran.

Perjanjian CPTPP akan memaksa petani mengeluarkan kos yang lebih tinggi untuk bahan kimia pertanian kerana bab harta intelek dalam teks perjanjian ini memperuntukkan hak eksklusif pasaran selama 10 tahun kepada pengeluar asal bahan kimia pertanian walaupun ia tidak dipatenkan.

Ini kerana kerajaan tidak boleh meluluskan penghasilan, import dan penjualan bahan kimia generik selama tempoh 10 tahun apabila sijil hak eksklusif pasaran diberikan melalui CPTPP.

Walaupun penggunaan kaedah organik dalam pertanian adalah lebih baik, tidak dapat dinafikan ketika ini petani di Malaysia sangat bergantung kepada bahan kimia pertanian.

Seorang pesawah di Kedah membelanjakan sekitar RM300 ke RM400 sehektar untuk racun kimia manakala seorang penanam cili komersial pula membelanjakan sekitar RM4,000 sehektar untuk bahan kimia pertanian.

Kos ini akan bertambah apabila CPTPP diratifikasi.

Selain itu, perlindungan harta intelek yang lebih kuat dalam teks CPTPP akan membolehkan lebih banyak ubat-ubatan veterinar dipatenkan dan dijual pada harga monopoli yang lebih tinggi untuk jangka masa lebih lama.

Semua ini akan meningkatkan kos, dan mengurangkan pendapatan penternak.

Penghapusan subsidi

Walaupun CPTPP tidak mewajibkan negara anggota menghapuskan keseluruhan subsidi domestik dalam industri pertanian, ia mewajibkan penghapusan segala bentuk subsidi eksport produk-produk pertanian.

Ini bermakna, program-program bantuan kerajaan kepada petani untuk mengeksport produk pertanian ke negara-negara anggota CPTPP tidak akan dapat dilaksanakan.

Dalam bab alam sekitar, teks CPTPP melarang subsidi diberikan kepada tangkapan spesies ikan tentu.

Walaupun larangan ini bertujuan melindungi spesies ikan yang semakin berkurangan kerana tangkapan berlebihan, perlu difahami bahawa punca kekurangan jumlah ikan disebabkan oleh bot-bot nelayan besar dan asing.

Nelayan-nelayan ini menggunakan alat tangkapan yang menangkap ikan-ikan yang masih kecil dan memusnahkan habitat ikan seperti pukut tunda, rawa sorong, bubu naga dan bom.

Larangan ini tidak praktikal malah bersifat tidak adil kepada nelayan pantai.

Pasaran tempatan terjejas

Pembangunan sektor pertanian seharusnya tidak hanya menumpukan kuantiti hasil pertanian tetapi juga mesti menjamin pendapatan yang tinggi kepada petani, penternak dan nelayan.

Namun, jika Malaysia meratifikasi CPTPP, kita diwajibkan untuk menghapus 100% tarif pada barangan import termasuk produk pertanian (dengan beberapa tempoh peralihan dan kuota kadar tarif untuk ayam dan telur).



Maka, Malaysia akan menghadapi peningkatan import produk pertanian daripada negara anggota CPTPP. Tarif import merupakan salah satu bentuk perlindungan kepada petani, penternak dan nelayan tempatan selain menjadi sumber pendapatan negara.

Selain tarif, kawalan import bukan tarif seperti kuota dan permit juga perlu dihapuskan untuk

memudahkan kemasukan produk asing daripada negara-negara anggota CPTPP.

Tanpa tarif dan kawalan import, petani, penternak dan nelayan Malaysia berkemungkinan besar tidak akan dapat bersaing dengan import produk pertanian dan makanan yang lebih murah daripada negara-negara CPTPP lain terutamanya Vietnam dan Australia - yang juga banyak memberikan subsidi domestik kepada petani, penternak dan nelayan mereka.

Akibatnya, rakyat kita kehilangan pendapatan dan akan ada pengurangan pengeluaran makanan Malaysia.

Apabila Malaysia bergantung pada import makanan, jaminan bekalan makanan negara akan terancam seperti yang kita lihat dalam situasi pandemik Covid-19 ketika beberapa negara menyekat eksport makanan.

Malaysia pada ketika ini adalah negara pengimport makanan utama.

Alternatif kepada CPTPP

CPTPP bukanlah sebuah perjanjian berkenaan perdagangan semata-mata tetapi juga perjanjian yang melampaui batas tanggungjawab negara untuk melindungi sosioekonomi rakyatnya.

Terdapat banyak dasar-dasar khusus yang dapat digubal oleh pemerintah untuk mengawal aliran perdagangan dengan mana-mana negara di dunia ini supaya adil dan dapat menguntungkan negara.

Tarif, kuota, subsidi eksport, kawalseliaan dan insentif seharusnya sentiasa dikemas kini menurut perkembangan ekonomi serantau dan dunia agar dapat menguntungkan rakyat.

Rancangan Malaysia ke-12 dan Dasar Agromakanan Negara ke-2 seharusnya mampu diperkasakan oleh kita sendiri menurut acuan kita tanpa perlu mengikat kaki dan tangan kepada kuasa ekonomi dan geopolitik asing.

NURFITRI AMIR MUHAMMAD (FITRI AMIR) merupakan penyelidik, aktivis sosial dan koordinator Forum Kedaulatan Makanan Malaysia (FKMM). Beliau boleh dihubungi melalui nfitriamir@gmail.com.

Tulisan ini tidak semestinya mencerminkan pendirian Malaysiakini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2021	IPOH ECHO	ONLINE	

“Little Cameron’ to attract tourists’—Rumaizi



The Urban Farming Project at the foot of Gunung Matsurat is set to become a tourist attraction when the tourism sector in the state resumes operation.

Ipoh Mayor, Dato’ Rumaizi Baharin @ Md Daud said the project, which involves cooperation between the Perak State Agricultural Development Corporation (PPNP) and Green Valley Agriculture, is being actively developed.

“Gunung Matsurat is a prehistoric location over 5,000 years old which is now one of the archeological heritage sites of Ipoh. This location will become even more interesting with the integration of urban farming based on the concept of “Little Cameron”.

“Along with the Pavilion Petting Zoo in Gunung Lang, I am confident that this famous recreation center in Ipoh will receive more visitors.

“We’re also streamlining Ipoh city tourism products that showcase the diversity of the people such as the Cantonese Heritage Trail, Indian Heritage Trail and Malay Heritage Trail. These will be launched by Tourism Perak, but the timing will depend on the current situation,” he told Ipoh Echo during his visit to the Pavilion Petting Zoo yesterday (September 1).

According to Rumaizi, with the economic constraints currently faced by the state, tourism industry players are encouraged to implement affordable and low-cost concepts so that tourism products are made accessible to groups such as B40. However, they must also ensure that they always deliver top-notch quality and service.

Rumaizi also stressed that while it is important to create tourism infrastructure, it is equally crucial to reduce or avoid the use of non-environmental friendly material.

“Similar to the goal of transforming Ipoh into a low-carbon city by 2030, we should focus on developing elements that have a positive impact on the environment and society,” he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2021	SINAR HARIAN	NEGERI P.PINANG/PAHANG/PERLIS	21

Usahawan bumiputera digesa teroka industri ternakan

PADANG BESAR - Usahawan bumiputera digesa untuk melibatkan diri dalam industri ternakan kerana ia mampu menjana pendapatan kepada mereka dan pada masa yang sama membantu negara mengurangkan pergantungan terhadap import daging.

Pengerusi Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof berkata, dalam keadaan era pandemik sekarang rakyat Malaysia khususnya di Perlis perlu untuk terlibat dalam industri ternakan dan membuat satu kitaran eko-

nomi yang secara langsung dapat meningkatkan pendapatan terutamanya untuk golongan B40 dan M40.

“Pada masa yang sama dengan mengusahakan industri ternakan kita dapat mengurangkan pergantungan terhadap import daging dari luar negara,” katanya kepada pemberita, di sini, pada Jumaat.

Beliau meninjau ladang ternakan yang dimiliki oleh Eco Green Global Sdn Bhd yang mengusahakan sistem pertanian moden tanpa bahan kimia dan sifar buangan untuk lembu dan kambing

biri-biri.

Mohd Redzuan berkata, dengan adanya bantuan dan sokongan daripada kerajaan usahawan bumiputera boleh melangkah jauh dalam industri ternakan dan boleh menjana pendapatan yang menguntungkan kepada negara.

“Kita bertanggungjawab membantu pengusaha industri ternakan seperti syarikat Eco Green Global ini untuk dijadikan sebagai model oleh usahawan lain yang berminat dengan industri ini,” katanya. - *Bernama*

Mantapkan pertahanan, kesihatan dan pertanian

PETALING JAYA: Ruang fiskal yang wujud hasil peningkatan kadar siling had statutori hutang negara wajar digurakan untuk membantu pemuliharaan dan pemantapan sektor pertanian, kesihatan dan pertanian negara.

Pengarah Pusat Pengajian Sepanjang Hayat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Dr. Nur Surayya Mohd. Saudi berkata, saluran kepada sektor pertahanan dapat membantu memantapkan kesiapsiagaan negara dalam menghadapi ancaman luar yang boleh meng-

gugat kedaulatan negara.

Selain itu, kata beliau, kerajaan juga perlu menambah perbelanjaan untuk aktiviti vaksinasi di seluruh negara agar tahap vaksinasi berada pada tahap optimum.

"Tahap kesihatan awam dan infrastruktur kesihatan sedia ada perlu ditambah baik agar negara bersedia dalam apa sahaja kemungkinan yang boleh meragut keselamatan kesihatan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Nur Surayya juga, sektor pertanian turut perlu

diberikan perhatian kerana ia mempunyai daya saing yang tinggi dan Malaysia mempunyai sumber yang cukup untuk menjalankannya.

"Pengukuh dan pembangunan sektor ini membantu menambah baik rantaian makanan dan jaminan bekalan makanan dalam negara," katanya.

Semalam, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, had statutori hutang negara mungkin akan dinaikkan kepada 65 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding 60

peratus sebelum ini.

Menurut beliau, cadangan tersebut akan dibentangkan kepada Kabinet minggu hadapan sebelum dibawa ke Parlimen.

Sementara itu, Nur Surayya menegaskan, kerajaan perlu memberikan tumpuan kepada usaha pemulihan ekonomi dalam Belanjawan 2022 dan mengambil pengajaran daripada kesan ekonomi yang dibawa pandemik ketika ini.

Jelas beliau, antara industri yang terkesan teruk dan perlu dipulihkan ialah pengangkutan, perhotelan dan pelancongan.

Beliau turut berpendapat, kerajaan perlu berusaha meningkatkan penawaran kewangan dalam ekonomi melalui polisi kewangan seperti pengurangan kadar faedah pinjaman oleh Bank Negara Malaysia (BNM) supaya beban komitmen hutang bulanan rakyat dapat dikurangkan, seterusnya meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah.

"Apabila kuasa beli isi rumah meningkat, mereka boleh melakukan dan menambahkan perbelanjaan, seterusnya membenarkan kesan positif kepada ekonomi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/9/2021	KOSMO	NEGARA	14

100 lembu diancam jangkitan selepas kandang ditakungi air

PONTIAN – Seorang penternak muda di Kampung Jawa Ulu Ayer Baloi di sini kini dihimpit kebimbangan apabila ladang lembu yang menempatkan kira-kira 100 ekor haiwan ternakan miliknya ditenggelami air sehingga paras lutut akibat kejadian banjir termenung sejak tiga hari lalu.

Mohd. Aliffi Abu Khairi, 31, berkata, selain lembu, dia turut menternak 100 ekor kambing, namun kandang haiwan berkenaan tidak terjejas kerana dibina lebih tinggi.

Katanya, dia terpaksa menggunakan sampan untuk memberikan makanan kepada lembu-lembu berkenaan memandangkan keadaan air yang masih dalam.

“Pernah berlaku kejadian seperti ini, tetapi kali ini lebih buruk kerana air masih tidak surut selepas dua hari. Ladang ternakan ini terletak berhampiran Sungai Ayer Baloi.

“Saya bimbang tentang keselamatan lembu-lembu ini sekiranya hujan terus berlaku kerana boleh menyebabkan jangkitan kuman pada kaki hai-



MOHD. ALIFFI melihat keadaan kandang lembu yang masih digenangi air dalam kejadian banjir termenung di Kampung Jawa Ulu, Ayer Baloi, Pontian semalam.

wan berkenaan,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Tambah Mohd. Aliffi, lebih menyedihkan apabila makanannya seperti tahi minyak, daun jagung yang telah dikisar dan dedak turut ditenggelami air, manakala pam mesin untuk mencuci kandang dan mesin pengisar jagung turut rosak.

“Saya perlu mencari alter-

natif lain bagi memastikan semua lembu ini memperoleh makanan yang mencukupi,” ujarnya.

Katanya, AA Agro Farm mula beroperasi pada 2011 di bawah pengurusan bapanya, Abu Khairi Hanafi, 59, sebelum dia mengambil alih sepenuhnya pada tahun 2016 selepas mendirikan rumah tangga.

Habitat diganggu, etak yang jadi makanan utama ikan dikutip secara rakus

El Nino punca patin muncung pupus

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD

MARAN - Seorang nelayan mendakwa kepupusan ikan patin muncung di Sungai Pahang sejak tujuh tahun lalu adalah disebabkan El Nino yang melanda pada 2015 dan 2016 hingga mengakibatkan air surut dan menampakkan tebing pasir.

Lebih memburukkan keadaan apabila kejadian itu telah mengganggu habitat ikan air tawar tersebut selain mengakibatkan makanan utama ikan itu iaitu etak juga pupus akibat diambil secara berlebihan oleh orang ramai.

Mat Piah Jusoh, 63, mendakwa, musim kemarau itu telah menyebabkan kebanyakan kawasan Sungai Pahang menjadi kering.

"Ketika itu, banyak kawasan berpasir yang menjadi habitat siput dan etak timbul hingga menyebabkan orang ramai memenuhi sungai untuk mengutip etak, bukan sahaja untuk dimakan, malah dijual hingga ke Kelantan.



IKAN patin muncung terakhir yang berjaya ditangkap oleh Mat Piah di Sungai Pahang sekitar 2015.

"Dalam masa sama, ikan patin muncung yang biasanya berada dalam kumpulan juga terancam akibat perubahan habitat serta terjerat pada jaring yang dipasang," katanya ketika ditemui semalam.

Pada 31 Ogos lalu, Kosmo! melaporkan harga ikan patin muncung ibarat emas apabila mencecah RM450 sekilogram kerana diancam kepupusan selain menjadi buruan peminatnya ekoran rasanya yang manis dan

halus.

Dalam pada itu, Mat Piah yang menjadi nelayan Sungai Pahang sejak lebih 40 tahun lalu berkata, patin muncung ibarat emas kerana harganya yang mahal dan sukar diperolehi, tetapi mempunyai rasa yang begitu enak.

Katanya, kali terakhir dia dapat menangkap ikan patin muncung seberat kira-kira tiga kilogram ialah pada 2015 sebelum kejadian luar biasa apabila Sungai Pahang menjadi kering.



ORANG ramai mengambil etak di Sungai Pahang ketika kejadian kemarau akibat fenomena El Nino di Sungai Pahang beberapa tahun lalu.